

23/09/2001

MB faktor BN menang 2004: Zam

Azmi Md Deros

BAGAN SERAI: Kemenangan calon Umno dan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum 2004 bukan semata-mata ditentukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebaliknya oleh Menteri Besar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Senator Datuk Zainuddin Maidin, ini kerana calon berkenaan ditentukan Menteri Besar yang lebih tahu keperibadian dan kebolehan calon melaksanakan tugas.

"Menteri Besar biasanya lebih arif siapa yang mempunyai akhlak yang baik serta sesuai dijadikan calon kerana mereka lebih hampir dengan ahli pada peringkat akar umbi," katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Imej Umno: Dahulu dan Sekarang' pada Konvensyen Umno Perak di Bukit Merah Laketown Resort di sini, semalam.

Beliau berkata, kepimpinan Dr Mahathir juga berjaya mengubah Malaysia daripada sebuah negara miskin dan mundur yang sangat bergantung kepada negara jiran yang lebih maju, kepada sebuah negara yang disegani.

Sebagai contoh, katanya, satu ketika dulu, rakyat negara ini menjadikan Singapura sebagai tempat membeli-belah kerana harga barangannya murah.

Bagaimanapun, kerajaan cepat melaksanakan tindakan menyekat pengaliran wang keluar dengan menurunkan nilai mata wang negara ini, sekali gus menyebabkan rakyat Singapura melimpah berbelanja di negara ini sehingga memakmurkan Malaysia.

"Keberanian Dr Mahathir melaksanakan projek besar, termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Menara Berkembar Petronas, Putrajaya dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) berjaya menarik pertumbuhan ekonomi sehingga dicemburui negara jiran," katanya.

Malah, katanya, dasar Dr Mahathir yang berpegang kepada kekuatan ekonomi sebagai senjata utama orang Melayu dan rakyat Malaysia amnya, selain politik terbukti berjaya.

Kejayaan memajukan ekonomi, katanya, bukan hanya dinikmati orang Melayu, malah berjuta umat Islam negara lain.

"Inilah dasar Dr Mahathir yang Islamik yang tidak boleh disangkal kerana berjuta umat Islam, termasuk dari Indonesia dan Bangladesh turut menumpang kemakmuran berkenaan.

"Ia sekali gus membantu negara Islam berkenaan yang selama ini dibelenggu kemiskinan," katanya.

(END)